

29 JUN 2000

Mahathir-pendidikan/I

KERAJAAN BIMBANG INSTITUSI SWASTA TAK KEKAL STANDARD

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan bimbang mengenai standard beberapa institusi pengajian tinggi swasta di negara ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan perlu mengkaji semula kedudukan sesetengah daripada 600 institusi swasta kerana ada antaranya tidak mengekalkan standard mereka.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Universiti Tenaga Nasional di Serdang hari ini, beliau berkata usaha perlu dibuat untuk menentukan institusi berkenaan meningkatkan standard mereka.

"Jika mereka gagal berbuat demikian, mereka tidak akan dibenar mengiklankan kursus yang mereka tawarkan kerana ia mungkin mengelirukan," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian semasa ditanya sama ada kerajaan akan membenarkan lebih banyak institusi pengajian tinggi swasta ditubuhkan di negara ini.

"Kita perlu kaji sama ada perlu atau tidak (kerana) kita sudahpun bermurah hati. Terdapat 600 institusi pengajian swasta tetapi kita bimbang kerana ada antara mereka tidak memenuhi standard," katanya.

Sebagai contoh, Dr Mahathir berkata ada pelajar yang baru pulang dari sebarang laut tidak mendapat pekerjaan kerana kerajaan tidak mengiktiraf kelayakan mereka.

"Ada pelajar masuk ke universiti yang tidak diiktiraf oleh kerajaan Malaysia, dan apabila mereka pulang, sudah tentunya kerajaan tidak dapat menerima kelayakan mereka, dan bila ini berlaku, mereka marahkan kerajaan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata graduan yang tidak mempunyai pekerjaan selepas menamatkan pengajian tidak seharusnya menyalahkan kerajaan tetapi kesalahan terletak pada diri mereka sendiri kerana mengambil bidang yang tidak menyediakan peluang pekerjaan.

Katanya, mereka sebaliknya harus mengambil bidang yang menyediakan peluang pekerjaan yang banyak permintaan seperti dalam bidang teknologi maklumat, elektronik, teknikal dan kejuruteraan.

"Jangan marahkan kerajaan kalau tidak mendapat pekerjaan bila sudah tamatkan pengajian. Ada kes di mana berlaku pelajar tidak mendapat kerja selepas kembali daripada menamatkan pengajian, kerana terlalu marahkan kerajaan, ada yang menyertai parti pembangkang," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir menyentuh mengenai keadaan tidak seimbang antara bidang yang dipilih untuk dipelajari dengan keperluan kepakaran yang perlu diisi.

Sementara setiap pelajar mempunyai minatnya dan perlu diberi peluang untuk mempelajari bidang yang diminatinya, Perdana Menteri berkata pelajar juga perlu mengambil kira keperluan negara terhadap pekerjaan dan kecekapan yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara.

Dr Mahathir juga menjelaskan bahawa universiti tempatan seharusnya mempunyai pertalian dengan universiti asing bagi membolehkan universiti tempatan mencapai bertaraf dunia.

"Yang penting ialah mengadakan pemeriksaan oleh tenaga pengajar asing yang boleh menolong menilai tahap dan taraf ijazah yang dikeluarkan oleh universiti tempatan," katanya.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Tenaga Nasional Tan Sri Ahmad Tajuddin Ali berkata universiti itu mempunyai 6,500 pelajar dalam pelbagai bidang, jauh melepasi unjuran pembangunan asal yang dibuat pada pertengahan 1990an iaitu untuk mempunyai 2,000 pelajar pada tahun ini dan 5,000 pelajar pada 2005.

Katanya, fasa ketiga projek yang meliputi pembinaan bangunan tersendiri

untuk Kolej Pengurusan Perniagaan dan Kolej Teknologi Maklumat yang dianggarkan melibatkan kos RM300 juta akan dimulakan akhir tahun ini dan dijangka siap pada 2002.

Tajuddin yang juga Presiden Tenaga Nasional Berhad berkata sebanyak RM700 juta digunakan bagi pelaksanaan fasa pertama dan kedua yang melibatkan pembinaan bangunan pentadbiran, perpustakaan, kolej kejuruteraan, dewan serbaguna, pusat pembangunan eksekutif dan asrama.

Menurutnya, usaha juga sedang dibuat untuk menubuhkan Yayasan Universiti Tenaga Nasional bagi mengambil alih pemilikan tanah dan bangunan-bangunan serta segala kemudahan dan harta benda universiti.

--BERNAMA

ARA ES MAI